

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 June 2015

Najib hargai jasa malim gunung

RANAU 9 Jun - Pengorbanan dan keberanian malim gunung dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa di Gunung Kinabalu mendapat perhatian Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan meneliti syor dalam aspek penghargaan khas kepada golongan i.tu.

Tegas Perdana Menteri, kumpulan malim di bawah seliaan Taman-Taman Sabah itu menunjukkan keberanian yang luar biasa, berkorban apa sahaja selain kesanggupan walaupun nyawa mereka turut terancam sepanjang operasi tersebut.

"Saya telah berunding dengan Datuk Seri Musa Aman (Ketua Menteri Sabah), lata akan buat penelitian atas syor, anugerah sesuai kepada malim gunung yang telah menunjukkan keberanian luar biasa. Selain empat yang terkorban, kita akan beri penghargaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis penyampaian sumbangan kepada waris malim-malim gunung yang terkorban dalam kejadian gempa bumi ketika membawa kumpulan pendaki ke Gunung Kinabalu di Dewan Kinabalu, Taman Kinabalu, Kundasang dekat sini hari ini.

Sumbangan juga diberikan kepada malim-malim gunung yang telah melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan mangsa di Gunung Kinabalu.

Najib berkata, pihaknya sedang menunggu laporan daripada kerajaan negeri untuk dipertimbangkan berhubung penghargaan tersebut.



NAJIB TUN RAZAK ditemani Musa Aman (tiga dari kiri) berkata sesuatu kepada malim gunung, Mohd. Ridzwan Kahoi (tiga dari kanan) yang menjadi viral setelah menyelamatkan seorang pendaki kanak-kanak dalam tragedi gempa bumi di Gunung Kinabalu di Ranau, semalam.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan kerajaan telah mengutuskan salam takziah kepada kerajaan Singapura sebagai tanda simpati terhadap para pendaki dari negara itu yang terkorban dalam bencana itu.

"Perdana Menteri Singapura, Lee Hsein Loong telah menyampaikan penghargaan kepada kita atas sumbangan bantuan," ujarnya.

Kepada ahli keluarga mangsa yang terkorban susulan gempa khususnya di Gunung Kinabalu, Najib berharap agar mereka bersabar dan menerimanya sebagai takdir dan ketentuan.

"Harap mangsa dan keluarga

tersayang menerima ini sebagai takdir, tabahkan hati, mudah-mudahan dapat meneruskan kehidupan, jangan lemah semangat. Saya memang berniat untuk datang sini lebih awal tetapi dijadualkan melakukan lawatan rasmi ke Arab Saudi.

"Namun saya buat keputusan Pesta Kaamatan dibatalkan dan meminta Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin buat lawatan. Saya tiba di tanah air 11 malam tadi dan memutuskan walaupun ada mesyuarat dengan ketua-ketua menteri dan menteri besar, saya tangguhkan supaya dapat tiba di sini," katanya.